

22 FEB 1999

Brunei-Tahniah

AGONG, PM UCAP TAHNIAH HARI KEBANGSAAN BRUNEI YANG KE-15

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar mengutuskan ucapan tahniah kepada Sultan Brunei sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-15, esok.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mendoakan Paduka Seri Sultan Haji Hassanah Bolkiah sekeluarga sentiasa diberkati Allah dan semoga Brunei sentiasa aman dan makmur.

Seri Paduka yakin hubungan dan kerjasama yang erat antara Malaysia dan Brunei akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi demi kesejahteraan rakyat kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula dalam perutusannya menyatakan kesyukuran dan keyakinan penuhnya bahawa persahabatan yang sedia wujud, kerjasama dan hubungan yang erat di antara para pemimpin dan rakyat Malaysia dan Brunei dalam pelbagai bidang akan terus dipertingkatkan dan diperluaskan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Beliau berkata beliau dan seluruh rakyat Malaysia bersama-sama berasa gembira dengan Sultan dan seluruh rakyat Brunei dan turut mendoakan kemakmuran untuk baginda sekeluarga dan seluruh rakyat negara itu.

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar turut menyampaikan perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Beliau yakin bahawa Malaysia dan Brunei, yang memiliki banyak persamaan dari aspek agama, sosio-budaya, sejarah dan pendirian terhadap isu-isu semasa yang berkepentingan kepada kedua-dua negara, akan terus menikmati hubungan dan kerjasama yang kukuh dan erat.

Sebagai Menteri Luar yang baru, Syed Hamid berkata, beliau berharap agar dapat bekerjasama dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Brunei.

-- BERNAMA

MNY NMO